

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**MAJLIS PERASMIAН LATIHAN FASILITATOR (TOF)  
PROJEK KESELAMATAN-KOKO: PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
DAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN PIAWAIAN SANITASI DAN  
FITOSANITASI (SPS) KOKO DI ASIA TENGARA (MALAYSIA)**

**ISNIN, 11 OGOS 2014  
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KOKO, LKM  
KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

---

Yang Berhormat Dato' Noriah binti Kasnon  
Timbalan Menteri  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Yang Berusaha Encik Tan Beng Swee  
Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Koko & Lada  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Yang Berusaha Dr. Lee Choon Hui  
Ketua Pengarah  
Lembaga Koko Malaysia

Dr. Loke Wai Hong  
Pengarah Wilayah CABI SEA (*South East Asia*)  
*Centre of Agricultural Bioscience International (CABI)*

Dif-dif jemputan, Para Peserta Kursus,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Selamat petang, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) atas jemputan untuk merasmikan Majlis

Latihan Fasilitator (TOF) di Kuching, Sarawak pada hari ini. Saya amat berbesar hati dan berasa gembira kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada majlis hari ini.

2. Kursus yang dilaksanakan ini melibatkan kerjasama di antara LKM dan agensi-agensi antarabangsa, iaitu *Standards and Trade Development Facility* (STDF), *Centre of Agricultural Bioscience International* (CABI) dan *International Cocoa Organization* (ICCO). Kerjasama di antara badan-badan antarabangsa dan tempatan sebegini merupakan satu pendekatan yang amat digalakkan oleh Kerajaan menerusi Strategi Lautan Biru. Kerjasama seumpama ini sekaligus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber bagi mencapai impak yang lebih besar dan dapat memberi manfaat kepada industri koko negara.

3. Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan program ini. Kementerian sentiasa mengalu-alukan inisiatif kerjasama dengan objektif untuk terus menggalak dan membangunkan industri koko negara. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan wawasan untuk menjadikan Malaysia antara negara pengeluar terbesar dunia produk-produk berasaskan koko menjelang 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Saya dimaklumkan bahawa Latihan Fasilitator ini diadakan untuk dua kumpulan peserta yang berbeza iaitu, Kumpulan Peserta Kakitangan Pengembangan LKM dan Ketua Kelompok Petani mulai 11 hingga 15 Ogos 2014, dan Kumpulan Peserta Peniaga Agro pada 18

hingga 22 Ogos 2014. Latihan yang dilaksanakan ini memberi penekanan kepada keselamatan penggunaan racun perosak. Objektif utama program ini adalah untuk memudahkan dan mengukuhkan akses pasaran eksport koko negara. Pelaksanaan program ini dapat memastikan perkongsian maklumat terkini mengenai Standard Sanitari dan Fitosanitasi (SPS - Sanitary and Phyto-Sanitary) di kalangan peserta, selain memberi pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan bagi memperbaiki amalan di sepanjang rantai bekalan. Ini adalah untuk memastikan pematuhan piawaian antarabangsa mengenai keselamatan makanan.

5. Pada masa ini, keselamatan makanan merangkumi pelbagai isu dan cabaran dan saya merakamkan penghargaan kepada CABI dan lain-lain pihak di atas inisiatif untuk mengadakan *Cocoa Safe Project*. Pengguna pada masa kini amat mementingkan aspek kesihatan. Susulan itu, senario ini dapat meningkatkan permintaan dan kepentingan kawalan keselamatan makanan di sektor ini mengikut *Hazard Analysis And Critical Control Points* (HACCP). Dalam hal ini, Projek Keselamatan Koko akan dapat menyebarkan maklumat mengenai keselamatan makanan di sepanjang rantai nilai bagi memudahkan eksport produk-produk koko.

6. Selain itu, di sektor perladangan koko aplikasi bahan kimia masih merupakan sebahagian daripada amalan penanaman untuk mengawal serangan makhluk perosak dan penyakit. Dalam hal ini, adalah penting para penanam koko mengutamakan ciri-ciri Amalan Pertanian Baik bagi mengawal pencemaran dan mengurangkan kesan negatif kepada pengendali dan pengguna. Oleh itu, pengendali terutamanya para petani koko perlu dilatih dan didedahkan dengan kaedah yang betul untuk

mengendalikan racun perosak. Di peringkat ladang, melalui perkhidmatan pengembangan, para petani dapat dilatih untuk mengendalikan penggunaan racun perosak secara selamat, penggunaan dos yang betul, cara pemakaian pelindung dan teknik semburan.

7. Saya berharap program latihan ini akan dapat memberi manfaat dan meningkatkan pengetahuan terutama para pekebun kecil mengenai penggunaan racun perosak secara sistematik dalam pengurusan lapangan. Selain mengurangkan kemungkinan sumber pencemaran, peserta juga dapat mengetahui mengenai peraturan, perundangan dan piawaian dari negara-negara lain, terutamanya dari negara pengimport koko. Perkara ini secara tidak langsung memberi panduan mengenai keperluan dalam pematuhan untuk mengeksport produk koko dan mengurangkan kemungkinan produk tidak diterima di pasaran import. Dalam konteks ini, ianya akan menyumbang ke arah pengeluaran biji koko yang berkualiti dan selamat, serta diterima baik oleh pasaran antarabangsa yang sekaligus akan menyumbang kepada pengukuhkan pendapatan para petani koko.

8. Saya difahamkan pada hari ini juga diadakan majlis pemberian insentif kepada usahawan coklat buatan tangan iaitu (Melter Coklat) dalam program pembangunan kerajaan untuk rakyat, terutama sekali dalam pemerkasaan ekonomi bumiputera yang diberi penekanan oleh YAB Perdana Menteri kita. Saya menyokong penuh program dan sebagai permulaan seramai 11 usahawan bumiputera coklat buatan tangan akan menerima insentif tersebut. Diharap program ini berterusan akan membawa berkat dan kejayaan kepada semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Di kesempatan ini, saya ingin menyentuh beberapa cabaran yang dihadapi oleh industri koko negara. Antaranya ialah peraturan-peraturan baru yang dikenakan oleh negara-negara pengimpor yang melibatkan keselamatan makanan. Sebagai contoh peraturan-peraturan yang diperkenalkan oleh negara-negara Kesatuan Eropah berhubung kaedah-kaedah pemeliharaan yang sub-standard terutama dalam pengeringan koko secara tiruan serta tahap cadmium yang dibenarkan dalam coklat, coklat susu dan serbuk koko.
10. Selain itu, pengeluaran bagi tanaman koko di kawasan penanaman baru adalah rendah berbanding dengan negara-negara lain. Pengeluaran negara kita ialah kurang daripada 300 kilogram sehektar setahun. Berbanding dengan negara-negara lain yang mampu menghasilkan lebih 600 kilogram sehektar setahun.
11. Bagi menangani cabaran-cabaran ini, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai dasar dan program untuk memperkuatkannya dan meningkatkan daya saing industri koko negara. Ini melibatkan pembangunan jaringan; penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan produktiviti; pemodenan industri melalui penggunaan teknologi dan inovasi terkini serta penghasilan produk-produk nilai tinggi untuk memenuhi keperluan pasaran.
12. Di samping itu, pelbagai program juga dijalankan untuk membantu para petani koko dan ini termasuk penyediaan insentif untuk pemulihan

tanaman koko yang kurang produktif, penanaman koko di kawasan terbiar dan juga perluasan kawasan tanaman baharu koko. Dalam hal ini adalah menjadi harapan Kerajaan agar program-program ini akan menyumbang ke arah meningkatkan produktiviti tanaman koko dalam jangka masa panjang dan menafaatkan para pengusaha tanaman koko.

13. Usaha-usaha mempergiatkan pengeluaran biji koko ini dijangka akan memperkuuhkan lagi prestasi Malaysia sebagai pengisar koko terbesar di Rantau Asia Pasifik dan kelima terbesar di dunia selepas Belanda, Cote d'Ivoire, Amerika Syarikat dan Jerman. Produk-produk koko Malaysia seperti mentega koko, serbuk koko, pes koko, coklat dan konfektioneri berasaskan koko kini dieksport ke lebih 100 buah negara. Antara pasaran utama bagi produk koko Malaysia termasuklah Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, China dan negara-negara di Asia Tenggara.

14. Dalam hubungan ini, saya menyeru agar pengusaha-pengusaha sama ada di sektor huluhan atau hiliran juga memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan segala dasar dan program tersebut. Penglibatan semua pihak adalah penting untuk memastikan industri koko terus relevan dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Adalah menjadi harapan saya bahawa kursus ini akan memberikan pengetahuan yang diperlukan ke arah meningkatkan lagi prosedur keselamatan koko. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada para peserta supaya mengambil peluang dan menimba ilmu dari program ini, yang julung-julung kalinya dikendalikan oleh fasilitator CABI untuk manfaat dan kemajuan industri koko.

16. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada ICCO, CABI dan LKM atas usahasama menganjurkan program latihan ini. Tahniah juga diucapkan kepada para peserta yang berjaya terpilih untuk mengikuti latihan ini.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Latihan Fasilitator Projek Keselamatan Koko Wilayah Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**  
**11 Ogos 2014**